

Jun 30, 2024

www.heraldmalaysia.com

Fransiskus, Sri Paus pertama hadiri G7



AI, tidak objektif mahupun neutral

Fasano, Itali: Sri Paus Fransiskus merupakan Bapa Suci pertama yang menghadiri sidang kemuncak G7, menggesa para pemimpin negara demokrasi yang kaya dari pelbagai dunia pada Jun 14 lalu, supaya mengekalkan martabat manusia dalam membangunkan dan menggunakan kecerdasan buatan (AI) seraya memberi amaran bahawa teknologi itu berisiko mengubah hubungan manusia menjadi algoritma semata-mata.

Para pemimpin politik mempunyai tanggung jawab untuk mewujudkan kondisi yang diperlukan agar AI dapat melayani umat manusia dan membantu mengurangi risikonya, kata Sri Paus Fransiskus kepada para pemimpin dunia.

“Kita tidak boleh membiarkan alat-alat seperti kecerdasan buatan sebagai keutamaan atau menganggapnya ia adalah sesuatu yang tidak boleh digantikan. Sebaliknya kita harus menjadikan AI sebagai “benteng” melawan ancaman yang cuba merendahkan martabat manusia, tegas Sri Paus Fransiskus dalam

ucapannya.

“Di sinilah tindakan politik sangat diperlukan,” katanya.

Memang ramai orang kurang senang dengan kata “politik” akibat pelbagai laporan tentang kesalahan, penyelewengan, korupsi dan ketidakcekapan yang dilakukan beberapa ahli politik — tetapi tidak semua ahli politik bersikap demikian.

Ada juga usaha yang cuba meremehkan sumbangan politik lalu menggantinya dengan ekonomi atau memutarbalikkannya menjadi satu ideologi atau kepada suatu yang lain,” ujarnya.

Sesungguhnya, dunia tidak dapat berfungsi tanpa politik yang sihat, kata Sri Paus. Tegasnya, kemajuan efektif menuju “persaudaraan universal dan perdamaian sosial” memerlukan kehidupan politik yang sihat.

Selain anggota G7 — Amerika Syarikat, Jepun, Kanada, Jerman, Perancis, Itali, dan Great Britain — forum tersebut juga dihadiri oleh para ketua negara yang diundang secara khusus, termasuk para pemimpin Argentina, India, dan Brazil.

Sidang Kemuncak G7 diadakan di Borgo Egnazia, Puglia dari Jun 13-15 bagi membincangkan serangkaian masalah global seperti migrasi, perubahan iklim dan pembangunan di Afrika, serta situasi di Timur

Tengah dan Ukraine.

Kerana batasan waktu yang ditetapkan untuk pembicara semasa sesi penjangkauan, Sri Paus hanya membaca sebahagian dari ucapan lima halamannya, namun teks penuh Bapa Suci telah dijadikan sebahagian daripada rekod rasmi. Vatikan juga menyediakan salinan teks penuh.

Dalam pidatonya, Sri Paus menyebut AI sebagai “alat yang menarik dan menakutkan.” AI dapat digunakan untuk memperluas akses terhadap pengetahuan bagi semua orang, memajukan penelitian ilmiah dengan cepat dan memberikan “pekerjaan yang berat serta bahaya kepada mesin.”

“Namun pada saat yang sama, AI dapat menimbulkan ketidakadilan yang lebih besar antara negara-negara maju dan berkembang atau antara kelas sosial yang dominan dan tertindas, sehingga meningkatkan kemungkinan risiko bahaya ‘budaya membuang’, menjadikan budaya ini lebih disukai berbanding budaya perjumpaan,” katanya.

Seperti setiap alat dan teknologi, “manfaat atau kerugian yang ditimbulkan AI akan bergantung pada penggunaannya.”

Meskipun prelatus itu menyeru komuniti global untuk menemukan prinsip-prinsip bersama dalam penggunaan AI yang lebih beretika, Sri Paus Fransiskus juga menyeru la-

rangan langsung terhadap penerapan tertentu.

Misalnya memboikot “senjata otonom yang mematikan” kerana “seharusnya tidak ada mesin yang boleh memilih untuk mengambil nyawa manusia.”

Pengambilan keputusan “juga harus selalu diserahkan kepada peribadi manusia,” katanya.

Martabat manusia itu sendiri bergantung sikap manusia yang bijak mengawal dan bijak memilih program kecerdasan buatan.

Masa depan kemanusiaan akan terjejas tanpa harapan “jika kita membiarkan AI membuat keputusan tentang kehidupan manusia dan sikap manusia yang terlalu bergantung pada mesin,” katanya.

Agar program AI menjadi alat yang membangun kebaikan dan mencipta hari esok yang lebih baik, katanya, “program tersebut harus selalu ditujukan demi kebaikan setiap umat manusia,” dan harus memiliki inspirasi etika, yang menyatakan sokongannya terhadap “Seruan Roma untuk Etika AI”.

Terserah pada setiap orang untuk “memanfaatkan” kecerdasan buatan, kata Sri Paus. Tetapi tanggung jawab ini terletak pada politik untuk mencipta situasi agar penggunaan AI yang baik dapat dipraktikkan dengan lebih meluas dan membuahkan hasil.” — media Vatikan

BETHLEHEM: Lebih 14,000 kanak-kanak terbunuh di Gaza sejak perang tercetus pada Oktober tahun lalu. Dianggarkan 410,000 kanak-kanak di bawah umur 18 tahun mengalami kesihatan dan kecederaan yang menyedihkan.

Kardinal Matteo Zuppi, Uskup Agung Bologna dan Presiden para Uskup Itali telah berziarah ke Tanah Suci bersama 160 penziarah dari keuskupannya. Pada Jun 15, prelatus itu melawat Hospital Bayi Caritas di Bethlehem.

Shireen Khamis dari pejabat akhbar hospital memberitahu Kardinal Zuppi. “Peperangan menyukarkan lagi keluarga untuk membawa anak-anak mereka menerima rawatan di hospital.

Dalam tiga bulan pertama konflik, 7,000

Kanak-kanak Gaza terus diburu maut dan penderitaan



kanak-kanak tidak dapat menerima rawatan yang mereka perlukan kerana halangan di pusat checkpoints Israel.

Di tengah-tengah kesukaran itu, Hospital Bayi Caritas tetap bertahan dalam misinya. Shireen berkata, “Pada pertengahan Mac

lalu, kami mengalu-alukan 68 kanak-kanak dari Semenanjung Gaza. Mereka kini berada di bawah jagaan SOS Children's Villages dan dengan rawatan perubatan disediakan oleh hospital ini.”

Kardinal Zuppi melawat pesakit dan ibu bapa mereka, mendoakan dan memberikan kata-kata penghiburan kepada mereka.

Prelatus itu juga meluangkan waktu berbicara dengan kakitangan perubatan yang berdedikasi.

“Ini adalah tempat di mana penderitaan kanak-kanak yang besar dipenuhi dengan belas kasihan dan perhatian. Penderitaan yang dialami oleh kanak-kanak ini amat tidak dapat diterima. Oleh itu kita harus terus berusaha mencipta masa hadapan yang aman bagi mereka,” kata Kardinal Zuppi. — ICN

Trauma selepas dikhianati dan diabaikan

Terlibat dalam pelayanan pastoral keluarga memang sangat mencabar.

Biasanya, kaum isteri yang selalu mengadu kepada paderi tentang sikap khianat suami atau diabaikan.

Tetapi baru-baru ini, seorang suami yang masih agak muda, meluahkan rasa sakit hatinya kerana si isteri mengkhianati perkahwinan.

Si isteri sebenarnya sudah menyesal dan mengakui perbuatannya, juga telah meminta maaf. Tetapi, hati si suami masih tidak dapat menerima perbuatan isterinya. Hati si suami masih keras untuk memaafkan apatah lagi melupakan kejadian itu.

Kejadian itu menjadikan si suami trauma. Bagaimana pandangan saudara dan saudari jika sahabat anda mengadu mengenai hal yang sama?

Salah seorang adik saya pernah bercanda tentang hal ini, “Eh, cerai terus! Boleh kahwin lain!” Memang ini mudah dikatakan tetapi bagi mereka “diikat” dalam Sakramen Perkahwinan, melalui pengalaman dan perkongsian, kebanyakan mereka mendapat rahmat untuk bertahan serta berfikir secara matang.

Beralih kepada si suami yang trauma tadi, sesungguhnya kehidupan rumah tangga yang bermasalah, ketidak setiaan merupakan sebahagian dari perjuangan setiap pasangan suami isteri di dunia ini.

Jika ada di antara kita yang bermasalah dengan kesetiaan atau dicurangi dan diabaikan, ini adalah panggilan untuk kembali mengurus keluarga dengan lebih serius lagi.

Saya tidak mengatakan bahawa perselingkuhan atau kecurangan itu masalah biasa.

Masalah perselingkuhan sedikit banyak adalah tanggung jawab pasangan suami isteri.

Contohnya, hidup pasangan suami isteri itu terlalu rutin, terlalu biasa, sudah dapat dijangka, jarang bicara, sering bertengkar, terpisah



Tidak ada yang mustahil bagi Tuhan. Dia berkuasa mengubati rasa sakit hati dan trauma akibat perselingkuhan.

tempat tinggal atau adanya penyakit, menyebabkan pasangan tergoda untuk berselingkuh.

Tidak dapat dinafikan bahawa pasangan Katolik, yang berkahwin dengan janji istimewa untuk setia sampai mati, juga mendapat godaan yang sama.

Janji setia seperti ini perlu dilengkapi dengan kekuatan rohani. Dengan akal budi saja mustahil untuk kita fahami apa yang dikatakan Yesus mengenai kesetiaan, “Setiap orang yang memandang perempuan serta menginginkannya, sudah berzina dengan dia di dalam hatinya” (Mat 5:28)

Berzina atau perselingkuhan merupakan hal yang tidak disukai oleh Tuhan, akan tetapi mengetahui hukum ini saja tidak sama dengan kemudahan melaksanakannya.

Setiap pasangan suami isteri memerlukan sarana rohani untuk mewujudkannya dan

menjadi setia. Sifat manusia dengan keperluan dan keinginan yang bermacam-macam membuatnya kadang-kadang jatuh dalam dosa ini.

Bagi pasangan yang mempunyai masalah ini: ada ayat lain yang lebih besar maknanya bagi perkahwinan iaitu mengenai pengampunan.

Pengampunan merupakan ajaran asas dan penting bagi setiap orang Kristian, pengikut Kristus.

Lebih-lebih lagi, salah satu pasangan sudah sangat menyesal dan mahu bertobat, satu-satunya jalan adalah memberinya kesempatan untuk kembali ke dalam keluarga dan Gereja, iaitu dengan mengampuninya.

Lihatlah Lukas 17:3-4, “*Jagalalah dirimu! Jikalau saudaramu berbuat dosa, tegurlah dia dan jikalau dia menyesal, ampunilah dia.*”

Bahkan, jikalau dia berbuat dosa terhadap engkau tujuh kali sehari, dan tujuh kali dia kembali kepadamu dan berkata: ‘Aku menyesal,’ engkau harus mengampuni dia.” Bukankah orang beriman menemui kesulitan yang sama dengan kesetiaan tadi kalau hanya mengandalkan akal budi?

Rasa sakit hati kerana dicurangi dan dibohongi adalah wajar. Perasaan trauma pasti ada dan mengganggu kehidupan bersama.

Tuhan amat mengerti apa yang ada di dalam hati kita. Hal terbaik yang perlu kita lakukan jika kita atau rakan kita yang menghadapi masalah ini adalah mengadakan introspeksi bersama.

Luangkan waktu bersama, berbicaralah dalam suasana tenang mengenai kehidupan bersama anda sebagai suami dan isteri. Isteri atau suami yang berselingkuh harus mahu diajak bicara, membuang rasa ego dan angkuh, supaya masalah menjadi lebih melegakan.

Sertainlah retret. Ambil peluang mengaku dosa dalam kesempatan retret dapat membantu pasangan suami isteri untuk memperbaiki hidup perkahwinan.

Atau, boleh juga cuba menulis perasaan anda kepada suami atau isteri yang selingkuh, lalu membacakannya, juga sebuah usaha yang baik untuk menyelesaikan kemelut.

Selanjutnya, buatlah komitmen berdua untuk bersama-sama memperbaiki komunikasi dan hidup bersama.

Tidak ada hal yang lebih menyenangkan, daripada menemukan kembali hubungan yang telah rosak, untuk kembali ke keadaan berkat.

Tuhan yang telah mempersatukan suami dan isteri, tidak akan tinggal diam, tetapi Dia turut bekerja bersama kita. Sebab tidak ada yang mustahil bagi Dia, termasuk mengubati rasa sakit hati dan trauma akibat selingkuh. Tuhan memberkati. — *sumber hidupkatolik*

Iman seperti wanita sakit pendarahan

Mukjizat tentang penyembuhan pendarahan seorang perempuan selama 12 tahun ada diceritakan dalam tiga Injil: oleh Markus (5:21-43), Matius (9:20-22) dan Lukas (8:43-48).

Menurut hukum Perjanjian Lama: “semua orang yang sakit kusta, semua orang yang mengeluarkan lelehan, dan semua orang yang najis oleh mayat disuruh meninggalkan tempat perkhemahan” (Bil 5:2-4).

Orang perempuan yang disebut dalam Injil itu menderita penyakit yang rasmi najis (Im 15:25-27). Dia tersingkir dari hubungan dengan masyarakat mahupun dengan ibadat di bait Tuhan.

Perempuan ini sangat mengharapkan disembuhkan oleh Yesus, meskipun dia tahu bahawa akibatnya Yesus pun akan dianggap menjadi najis menurut hukum.

Bukan hanya orang yang terkena penyakit itu menjadi najis, malah sesiapa pun yang berhubungan dengan pesakit itu juga menjadi najis.

Dia diasingkan dari pergaulan dengan sesama manusia, bahkan juga dalam hubungannya dengan Tuhan. Apa saja yang tidak bersih atau najis tidak layak berada di hadapan Tuhan, sebab Tuhan adalah kudus.

Maka sesiapa pun yang kotor, tidak murni, najis, harus mengalami suatu pem-

bersihan, pemurnian, agar dapat memasuki masyarakat dan berhadapan dengan Tuhan.

Tetapi di tengah tata susunan masyarakat Yahudi serupa itu, si perempuan itu berani mendekati Yesus dan menjamah jubah-Nya.

Pasti Yesus pun akan terkena hukuman menjadi najis. Tetapi sebaliknya! Yesus bukan hanya menyembuhkan perempuan itu, Dia juga mengembalikan hubungan perempuan itu dengan lingkungan masyarakat sesama.

Yesus bahkan menyapa perempuan itu dengan berkata: “Hai anak-Ku, imanmu telah menyelamatkan engkau”. Ucapan Yesus itu mengembalikan hubungannya dengan sesama dalam masyarakat, dan juga dengan Dia sendiri.

Di samping itu Yesus dikunjungi Yairus, seorang “ketua rumah ibadat”. Pada masa itu, ramai pemimpin rumah ibadat Yahudi curiga dan menentang Yesus tetapi Yairus datang kepada Yesus dan “tersungkurlah dia di depan kaki-Nya”.

Apa yang dilakukan oleh Yairus ialah ungkapan keberanian dan hormatnya kepada Yesus.

Dia bermohon: “Anakku perempuan sedang sakit, hampir mati, datanglah kiranya dan letakkanlah tangan-Mu atasnya, supaya dia selamat dan tetap hidup”.

Dan ketika datang di rumah Yairus, Yesus memegang tangan anak itu dan berkata “*Talita kum*”, ertinya “Hai anak, Aku berkata kepadamu, bangunlah!”. Anak itu bangkit berdiri dan berjalan.

Dengan menyapa “Hai anak”, Yesus mengadakan dan memperkuat hubungan-Nya dengan anak itu seperti dilakukan oleh Yairus sendiri terhadap anaknya itu.

Dalam dua peristiwa itu, yakni penyembuhan perempuan yang menderita pendarahan dan pembangkitan anak perempuan Yairus yang mati, Yesus yang sungguh suci itu menyingkirkan kenajisan/kekotoran manusia.

Perempuan dewasa itu disembuhkan, anak perempuan kecil yang mati dihidupkan kembali. Yesus mengembalikan dan mengangkat kembali setiap peribadi kepada tingkat aslinya, sebagai peribadi yang hidup layak di hadapan Tuhan.

Di zaman kita sekarang ini, bandar-bandar besar semakin maju, moden, makin membangun dengan bangunan-bangunan besar pencakar langit.

Ada kawasan kediaman yang mewah, dengan kenderaan mahal memenuhi jalan raya. Tetapi di samping semuanya itu, ada suasana keadaan lain, bagaikan “perempuan yang sudah lama menderita pendarahan”, “anak yang hampir atau sudah mati”.

HARI MINGGU BIASA KE-13 TAHUN B

**KEBIJAKSANAAN 1:13-15;
2:23-24
2 KORINTUS 8:7.9.13-15
INJIL MARKUS 5:21-43**

Mereka itu adalah orang-orang yang harus ditolong dan diselamatkan, tetapi disingkirkan dan diabaikan oleh masyarakat kerana dianggap mengganggu atau menghalang masyarakat yang sudah maju dan makmur.

Kanak-kanak perempuan itu adalah gambaran ramai kaum muda, yang sekarang ini ramai tidak berpeluang bersekolah disebabkan oleh peperangan, kemiskinan atau sikap tidak bertanggungjawab ibu bapa. Ramai juga kaum muda yang hanyut ke dalam ketagihan dadah, judi dan alkohol dan masih ramai yang hilang harapan akan masa depan yang pasti.

Bila kita sungguh ingin hidup sebagai orang beriman sejati, kita harus memiliki iman sekuat iman perempuan yang menderita pendarahan itu di samping memperhatikan nasib sesama kita. — *Msgr F.X. Hadisumarta O.Carm, imankatolik.com*

Islamkan bawah umur, MCCBCHST gesa kerajaan campur tangan

KUALA LUMPUR: Majlis Perundingan Buddhisme, Kristian, Hindu, Sikh, dan Taoisme Malaysia (MCCBCHST) dan pihak lain yang prihatin, menggesa kerajaan mengecam secara rasmi amalan penukaran agama secara rahsia dan mengambil tindakan segera. Ini berikutan sebuah video di TikTok, di mana seorang pendakwah Islam, Firdaus Wong memberi nasihat tentang penukaran agama kanak-kanak bawah umur kepada Islam secara rahsia, telah mencetuskan gesaan untuk campur tangan kerajaan dengan segera.

Video yang dirujuk dalam artikel Malay-siakini ("NGO menggesa pihak berkuasa menyiasat dakwaan kemasukan remaja kepada Islam," Jun 6, 2024), menunjukkan Firdaus dalam sesi soal jawab dengan individu lain, dipercayai guru agama.

Dalam video itu, Firdaus membincangkan tindakan yang perlu diambil apabila pelajar Tingkatan 3 atau Tingkatan 4 ingin memeluk agama Islam.

Beliau menyarankan agar pelajar itu ditukar secara tidak formal dengan melafazkan Kalimah Syahadah dan menandatangani pendaftaran rasmi penukaran agama sehingga mereka mencapai umur 18 tahun. Firdaus seterusnya menasihatkan terhadap sebarang rakaman televisyen atau bukti lain tentang penukaran agama adalah dirahsiakan kerana berpotensi mendapat halangan ibu bapa jika ia diketahui.

MCCBCHST mengecam sekeras-kerasnya pendekatan ini dan melabelkannya sebagai tidak bermoral, tidak berperlembagaan dan menyalahi undang-undang.

MCCBCHST menegaskan bahawa tindakan sedemikian melanggar kebebasan asasi yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan:

Perkara 12(4) menetapkan bahawa agama seseorang di bawah umur 18 tahun hendaklah diputuskan oleh ibu bapa atau penjaga mereka. Keputusan sebulat suara Mahkamah Persekutuan dalam Indira Gandhi A/P Mutho



Perkara 12(4) menetapkan bahawa agama seseorang di bawah umur 18 tahun hendaklah diputuskan oleh ibu bapa atau penjaga mereka.

lwn Pengarah Jabatan Islam Perak dan lain-lain (2018) mengukuhkan bahawa kedua-dua ibu bapa mesti bersetuju dengan penukaran agama seorang di bawah umur. Oleh itu, sebarang pelan penukaran rahsia tanpa kebenaran ibu bapa adalah tidak mengikut perlembagaan.

Perkara 12(3) menegaskan bahawa tiada seorang pun dikehendaki menerima pengajaran atau mengambil bahagian dalam upacara atau ibadah agama selain agama mereka sendiri. Pendekatan Firdaus, yang melibatkan dakwah Islam kepada kanak-kanak di bawah umur tanpa kebenaran ibu bapa, bercanggah dengan peruntukan perlembagaan ini.

MCCBCHST menekankan akibat buruk penukaran agama secara rahsia ke atas unit keluarga, menyatakan bahawa ibu bapa akan kecewa apabila mengetahui penukaran agama anak mereka tanpa pengetahuan mereka. MCCBCHST turut menyatakan bahawa

sekolah adalah sebagai tempat pembelajaran dan tidak boleh terlibat dalam amalan sedemikian.

Walaupun telah membangkitkan isu penukaran agama dalam kalangan bawah umur berulang kali sepanjang dekad yang lalu, MCCBCHST mengatakan kebimbangan mereka telah diabaikan oleh pihak berkuasa.

Susulan insiden terbaru ini, mereka segera menyeru Ahli Parlimen dan Menteri Persekutuan untuk menangani isu itu dalam kabinet.

MCCBCHST menuntut pemberhentian amalan penukaran agama rahsia serta merta dan mengambil segera tindakan sewajarnya terhadap Firdaus.

MCCBCHST menekankan kepentingan melindungi hak kanak-kanak di bawah umur dan mengekalkan integriti keluarga, menggesa supaya tiada kanak-kanak boleh ditukar agama secara rahsia, sekaligus menafikan hak perlindungan ibu bapa mereka.

Sementara itu, dua peguam dan seorang aktivis telah menuntut siasatan terhadap Firdaus dan menggesa laporan polis dibuat.

Peguam Rajesh Nagarajan berhujah bahawa Firdaus pada dasarnya telah mengaku menukar agama di bawah umur dan menggesa ibu bapa yang terjejas untuk membuat laporan polis.

Peguam Sachpreetraj Singh Sohanpal mengkritik sikap berdiam diri kerajaan berhubung perkara itu dan bersikap, menuduhkannya melakukan *double standard*. "Kerajaan Madani sentiasa memberi amaran tentang menyentuh topik berkisar tentang 3R," katanya merujuk kepada isu berkaitan kaum, agama dan royalti. "Namun, tidak ada sebarang kenyataan mengenai perkara ini."

MCCBCHST S. Shashi Kumar, Presiden Persekutuan Hak Asasi Manusia Global, mempersoalkan kelambatan tindak balas kerajaan. "Selepas isu itu mula diketengahkan, terdapat banyak kenyataan akhbar. Namun, sehingga hari ini, Kementerian Pendidikan, polis, dan Jabatan Peguam Negara (AGC) masih belum campur tangan," katanya.

Jurucakap Hindu Sangam Malaysia, Arun Doraisamy menggesa Kementerian Pendidikan melarang Firdaus daripada membuat aktiviti sekolah awam.

"Ini akan memberikan keselesaan kepada ibu bapa bukan Islam apabila mengetahui individu seperti Firdaus tidak berhubung dengan anak mereka," katanya.

Beliau turut menekankan perlunya pihak polis dan AGC mengambil tindakan terhadap pendakwah tersebut. "Kerajaan mesti mengeluarkan kenyataan rasmi yang mengecam tindakan menukar agama kanak-kanak bawah umur secara rahsia, yang memberi tekanan terhadap pelajar kita," tambahnya.

Peguam dan aktivis Siti Kasim berkata Firdaus telah memalukan masyarakat Islam dan mengkritik tiada tindakan pihak berkuasa walaupun terdapat banyak laporan polis.

Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

E-mel:
liza@herald.com.my

Pembelajaran agama melalui Internet

Soalan: Semasa konsekrasi, ketika piala berisi roti atau anggur diangkat, apakah doa atau seruan yang paling tepat diucapkan oleh umat?

Ketika konsekrasi, saya sering berdoa dalam hati, "Tubuh Kristus, selamatkanlah kami" atau "Darah Kristus, sucikanlah kami", apakah ini sesuai?

Jawaban: Kalau orang bertanya, doa apakah yang paling tepat ketika imam mengangkat hosti dan anggur pada saat konsekrasi, jawabannya ada banyak, bergantung siapa yang menjawab atau menjelaskan. Saya ingin menjawab dengan cara seperti ini:

Dalam Liturgi, kita tahu ada "tindakan bersama" dan "tindakan peribadi" iaitu tindakan dan doa-doa yang sudah ditentukan secara rasmi sebagai ungkapan bersama.

Namun ada juga tindakan atau doa yang dilakukan sebagai keyakinan peribadi.

Dalam tata liturgi, Doa Syukur Agung (DSA) adalah doa presidensial yang hanya diucapkan oleh pemimpin. Karena yang ditanyakan di atas terjadi pada saat konsekrasi, yang adalah bahagian penting dari DSA, maka tidak ada kata-kata yang diucapkan pada saat hosti dan anggur diperlihatkan kepada umat.

Dalam Pedoman Umum Misale Romawi Baru no 150 dikatakan: "Bila dianggap perlu, sesaat sebelum konsekrasi, putera altar dapat membunyikan loceng, sebagai tanda bagi umat. Demikian pula sesuai dengan kebiasaan setempat,



Pembelajaran IKD tidak boleh dilakukan melalui Internet.

pelayan dapat membunyikan loceng pada saat hosti dan piala diperlihatkan kepada umat sesudah konsekrasi."

Saya secara peribadi, setuju bahawa ketika hosti dan anggur di angkat, tidak ada rumusan doa sebagai tindakan bersama (hanya hening, memandang dengan rasa hormat-sembah). Tetapi, kalau ada yang terdorong mengungkapkan rasa hormat-sembah itu dengan kata-kata; ia merupakan tindakan peribadi iaitu doa yang disampaikan dalam hati sebagai jawaban peribadi atas apa yang diimaninya.

Soalan II: Dapatkah seorang dewasa mengikuti pembelajaran agama melalui Internet untuk dibaptis?

Tidak boleh. Menagapa? Atas dua alasan dasar

mengapa katekumenat (pelajaran agama bagi calon baptis) tidak dapat dilakukan melalui Internet:

1. Katekumenat diadakan guna mempersiapkan iman katekumen (calon baptis) untuk menerima Sakramen Baptis. Iman tidak dapat diperoleh hanya melalui pengetahuan saja, melainkan juga melalui pengenalan/hubungan pribadi dengan pribadi yang diimani, iaitu Yesus Kristus. Itu sebabnya Gereja memberikan pendampingan khusus yang diperlukan para katekumen dalam membangun serta membina hubungan pribadi dengan Kristus.

2. Dengan menerima Sakramen Baptis, seseorang secara automatik masuk dan diterima sebagai anggota Gereja, iaitu persekutuan orang beriman.

Oleh sebab Gereja adalah persekutuan/kumpulan orang beriman, maka perlu adanya komunikasi antara sesama anggotanya.

Dalam tempoh katekumenat, Gereja memberikan pendampingan bagi para katekumen untuk mengenal, menjalin komunikasi, bersekutu, membangun dan membina kebersamaan dengan warga Gereja lainnya, serta bertumbuh dan berkembang dalam kebersamaan itu.

Sebagai contoh: dalam tempoh katekumenat para katekumen diajak mengenali paderi paroki sebagai gembala Gereja dan masa untuk berkenalan dengan umat Gereja di lingkungan, wilayah dan paroki di mana dia tinggal. — **Fr Gregorius Kaha, SVD, yesaya.indocell.net**

Sahabat kecil Yesus

Doa dari
Mazmur

Ya Tuhan,
Engkaulah tempat
perlindunganku.
Kepada-Mu-lah aku
berlindung.

Tuhanku ... Tidak
ada gang lain.
Pertahankan dan
kuatkanlah aku
menghadapi
pertempuran ini.

Di dalam-Mu aku
memiliki warisan
gang indah.
Kerana
Engkaulah, aku
tidak akan
tergoncang. Aku
gakin. Sembuhkan
dan kuatkanlah aku
sekarang ... Amin.




**Cari 10 perbezaan
pada gambar ini:**



**Wanita sakit pendarahan sembuh setelah menyentuh jubah
Yesus (Markus 5: 25-34).**



Mari
Mewarna



Hello adik-adik,

Apa khabar? Pembacaan Injil pada hari Minggu ke-13 ini menampilkan kisah dua orang wanita yang sakit.

Seorang wanita dewasa yang menderita sakit pendarahan selama 12 tahun manakala seorang lagi ialah kanak-kanak perempuan berusia 12 tahun yang sakit tenat.

Wanita dewasa itu sembuh dengan menyentuh jubah Yesus. Manakala kanak-kanak perempuan yang merupakan anak kepada Yairus, seorang pemimpin Yahudi, sembuh apabila Yesus memegang tangan-Nya dan menyuruh anak itu bangun (Markus 5:41).

Adik-adik, kita dapat melihat bahawa wanita sakit pendarahan itu sembuh kerana imannya manakala kanak-kanak perempuan itu sihat kembali kerana iman bapanya, Yairus.

Kedua-dua kisah ini juga mewakili orang-orang yang sakit di dunia ini.

Ramai sekali rakan-rakan sebaya kita dan orang dewasa yang sedang sakit. Bukan sahaja sakit tubuh badan tetapi ada yang mengalami sakit mental bahkan 'sakit' rohani.

Atau mungkin, ada di antara adik-adik yang demam atau kurang sihat pada ketika ini? Jangan risau, Yesus hadir di tengah-tengah kita. Mari kita berdoa agar Dia memberi kita kesembuhan!

Antie Melly

Bantu kanak-kanak ini untuk mencari jalan agar dapat datang kepada Yesus.



abracadaba

novenasaver

talita kum

didirapaloma

ciberiauklama



Apakah yang dikatakan oleh Yesus kepada anak Yairus? Bulatkan jawapan yang betul.

Markus 5:41

BELIA MILENIUM

Salib: RAHMAT besar untuk kaum muda



Kenangan kemeriahan sambutan Salib Belia dan Ikon Bonda Maria di Kapela Sto Petrus, Sg Manila, Sandakan.



Wakil belia Kapela Sto Petrus menyerahkan Salib Belia dan Ikon Bonda Maria kepada wakil belia Gereja St Mark

SANDAKAN: Salib Belia dan Ikon Bonda Maria berada di Keuskupan Sandakan lebih kurang tiga bulan iaitu sejak bulan Mac lalu.

Selama 90 hari itu, diadakan beberapa acara menarik seperti *movie night*, *worship night*, doa taize serta ziarah Salib Belia dan Ikon Bonda Maria ke dua buah Gereja di bawah jagaan Katedral St Mary iaitu Kapela St Petrus, Sungai Manila dan Gereja St Mark.

Semasa ziarah Salib Belia dan Ikon Bonda Maria ke Kapela St Petrus, Sr Noemi Mejia FSIC, Koordinator Belia Keuskupan Sandakan dan 12 orang belia Katedral St Mary telah menyertai upacara penghantaran ini.

Salib Belia dan Ikon Bonda Maria disambut dengan tarian sumazau dari Belia Universiti Malaysia Sabah kemudian Salib Belia dan Ikon Bonda Maria secara rasminya diserahkan kepada umat di Kapela St Petrus oleh Koordinator *Parish Youth Apostolate* Michael Phoon kepada wakil

ketua Belia St Petrus Ajron Collin.

Selepas upacara penyerahan, umat merayakan Misa Kudus yang dipimpin oleh Uskup Julius Dusin Gitom.

Setelah hampir 30 hari Salib Belia dan Ikon Bonda Maria berada di kapela St Petrus, Sungai Manila, ia dihantar ke Gereja St Mark. Belia di Gereja St Mark menyambut Salib Belia dan Ikon Bonda Maria dengan tarian Hedung diikuti upacara penerimaan Salib Belia dan Ikon Bonda Maria dari wakil belia kapela St Petrus.

Seterusnya, belia dan umat merayakan Misa Kudus yang dipimpin oleh paderi paroki Katedral St Mary, Fr Simon Kontou.

Dalam homilinya, Fr Simon menjelaskan bahawa Roh Kudus yang dicurahkan oleh Yesus kepada para rasul-Nya adalah Roh yang sama diurapi kepada kita semasa Sakramen Pembaptisan dan Sakramen Krisma.

Fr Simon juga mengajak semua belia khususnya di Gereja St Mark Sandakan bergiat aktif dalam pelayanan dan berusaha menyertai semua aktiviti yang dianjurkan



Ketiibaan Salib Belia dan Ikon Bonda Maria di lokasi SYD-6!

oleh Komiti Belia agar iman kaum muda terus bertambah dan berjalan sebagai sebuah Gereja Sinodal.

Selepas Misa Kudus, semua umat dijemput hadir ke dewan serbaguna St Mark untuk acara bersama para belia.

Salib Belia dan Ikon Bonda Maria tiba di lokasi SYD-6!

Pada Jun 15, 2024, Salib Belia dan Ikon Bonda Maria selamat tiba di Katedral St Francis Xavier, Keningau.

Katedral St Francis Xavier merupakan lokasi *Sabah Youth Day* kali keenam yang

bakal berlangsung pada September 16-20 ini dengan tema "Maria Bangkit dan Bergegas pergi" (Lukas 1:39).

Menurut laporan dari Facebook Keuskupan Keningau, semasa kedatangan Salib Belia dan Ikon Bonda Maria ke Katedral St Francis Xavier, "Semangat para belia jelas terpancar daripada reaksi mereka. Kemeriahan sangat dirasai. Malah alam ciptaan Tuhan juga seperti bersukacita bersama, apabila hujan hanya turun selepas Salib dan Ikon Bonda Maria memasuki perkarangan Dataran Keuskupan Keningau!"

MCYMC siap siaga untuk perhimpunan kaum muda Malaysia 2025



KINARUT, Sabah: Mesyuarat Komiti Pelayanan Pemimpin Belia Katolik Malaysia (MCYMC) yang diadakan baru-baru ini menumpukan persiapan Perhimpunan Kaum Muda Katolik Malaysia (MCYPA) pada 2025.

Perhimpunan ini yang diadakan di Chapel St Paul, Kinarut menghimpunkan 28 wakil kaum muda dari sembilan keuskupan di Malaysia.

Tujuannya adalah untuk membincangkan program dan peranan MCYPA, sebuah inisiatif yang bertujuan untuk melibatkan semua belia Katolik di Malaysia menuju Konvensyen Pastoral Malaysia (MPC) 2025.

MCYMC, yang diketuai oleh Gregory Pravin Rajah (Semenanjung), Sr Teresia Loukang FSIC (Sabah) dan Maria Amella (Sarawak), berbin-

cang bagaimana melibatkan belia di luar kampus iaitu golongan belia bekerja, mereka yang bekerja dengan belia, dan mereka yang memberikan sokongan dalam paroki.

Selain itu, terdapat juga sesi yang dikendalikan oleh Fr Clarence Devadass dari Keuskupan Agung Kuala Lumpur dan Anna Teresa dari Keuskupan Sandakan, yang memperkenalkan pendekatan perbualan rohani yang digunakan semasa Sinode Uskup Vatikan.

Program MCYPA akan menggunakan kaedah perbualan rohani dalam memfokuskan pada empat isu utama MPC 2026 iaitu Gereja, Keluarga, Ekologi, dan Komuniti.

Sinodaliti harus jadi cara bertindak Gereja

VATIKAN: Sri Paus Fransiskus berkata beliau berharap semangat keterbukaan dan dialog yang merupakan elemen penting dalam sinodaliti, terus kekal sebagai norma Gereja Katolik meskipun selepas Sinode Uskup berakhir.

Sri Paus memberitahu moderator pergerakan Gereja pada Jun 13 lalu akan harapannya terhadap sinodaliti “terus dikekalkan serta menjadi kaedah atau budaya Gereja di semua peringkat, termasuk di kalangan para paderi, religius dan umat awam.”

“Perkara terpenting sinode tentang sinodaliti bukanlah tentang menangani isu ini atau itu sebaliknya mengutamakan perjalanan bersama paroki, diosesan dan universal dalam semangat sinodaliti.”

Pada bulan Mac lalu, Sri Paus Fransiskus memutuskan bahawa isu paling kontroversi yang dibangkitkan pada perhimpunan pertama Sinode Uskup, termasuk peranan wanita dalam gereja dan garis panduan untuk formasi paderi — akan dikaji oleh 10 kumpulan belajar dan dikesampingkan daripada perbualan

utama di perhimpunan sinode seterusnya.

Kumpulan itu dijadualkan membentangkan laporan awal kepada perhimpunan kedua sinode pada Oktober dan memberi laporan akhir mengenai kerja mereka kepada Sri Paus, menjelang Jun 2025.

Kira-kira 200 peserta dalam persidangan moderator persatuan-persatuan gerakan beriman, gerejawi dan gerakan baharu bertemu dengan Bapa Suci Fransiskus sebagai sebahagian daripada mesyuarat tahunan di Vatikan yang dianjurkan oleh Dikasteri untuk Rasul Awam, Keluarga dan Kehidupan dengan tema tahun ini, “Cabaran Sinodaliti untuk Misi.”

Sri Paus Fransiskus berkata bahawa ke rendah hati dan keterbukaan kepada orang lain adalah “kebajikan sinodal,” dan gerakan gerejawi bertujuan untuk berkhidmat kepada gereja dan tidak dilihat sebagai “perkara yang unggul” dalam gereja.

“Pergerakan tertutup harus dibatalkan,” katanya kerana ia tidak bersemangatkan gerejawi.

Katanya, adalah satu godaan bagi ahli



Sinodaliti meminta orang Kristian untuk melihat kehadiran Tuhan bekerja — Sri Paus Fransiskus

Gereja untuk kekal dalam “bulatan tertutup”. Bapa Suci juga menegur sikap yang memikirkan apa yang kita lakukan adalah baik untuk semua orang, atau mementingkan prestij tanpa mahu bersikap untuk berdialog.

Sinodaliti meminta orang Kristian untuk melihat kehadiran Tuhan bekerja walaupun pada orang yang tidak kita kenali, dalam cara pastoral baharu, tegas Sri Paus Fransiskus. — media Vatikan

ROMA: Hampir 400 juta anak di bawah usia lima tahun — lebih kurang 60 peratus dari kumpulan usia tersebut secara global — mengalami penderaan fizikal atau psikologi di rumah, yang bermula dari pemukulan hingga penghinaan, kata Dana Anak-anak PBB (UNICEF) pada Jun 10.

Anggaran UNICEF baharu memperlihatkan data daripada 100 negara yang dikumpul dari 2010 hingga 2023, dan meliputi kedua-dua “hukuman fizikal” dan “penderaan psikologi.”

Bagi UNICEF, penderaan psikologis mencakupi perbuatan membentaki anak-anak, atau menyebut mereka “bodoh” atau “malas”, manakala hukuman fizikal mencakupi tindakan memukul atau menampar, atau apa-apa perbuatan yang menyebabkan rasa sakit atau ketidakselesaan fizikal, tanpa cedera.

Dari hampir 400 juta kanak-kanak tersebut, sekitar 330 juta di antaranya mengalami hukuman fizikal, kata badan PBB tersebut.

Meskipun semakin banyak negara yang melarang hukuman fizikal terhadap kanak-kanak namun hampir 500 juta anak di



400 juta kanak-kanak didera atas alasan mendisiplinkan mereka

bawah usia lima tahun tidak dilindungi secara undang-undang dari praktik-praktik tersebut.

Menurut UNICEF, kebanyakan ibu atau orang dewasa menyatakan perlunya hukuman fizikal untuk mendidik kanak-kanak mereka agar menjadi baik.

Ini mencetuskan kebimbangan bagi PBB kerana apabila kanak-kanak mengalami penderaan fizikal atau lisan di rumah, atau apabila mereka merasa kehilangan rasa kasih sayang daripada orang tersayang, ia boleh menjejaskan nilai diri dan perkembangan mereka. — media Vatikan



Para Uskup kemuka rangka kerja bantu kaum muda

LOUISVILLE: Beberapa hari selepas Persidangan Uskup Katolik Amerika Syarikat yang mengadakan pertemuan pada Jun 12-14 lalu, para uskup akhirnya mencapai persetujuan yang diperlukan untuk meluluskan rangka kerja pastoral kebangsaan mereka untuk membimbing pelayanan belia dan dewasa muda.

Uskup Robert E. Barron dari Winona-Rochester, Minnesota, pengerusi Jawatankuasa Untuk mengenai Rasul Awam, Perkahwinan, Kehidupan Keluarga dan Belia, membentangkan rangka kerja pastoral yang akan membantu para paderi, ketua-ketua pelayanan belia dan keluarga.

Semasa pembentangannya pada Jun 13, Uskup Baron menjelaskan bahawa jawatankuasanya terlebih dahulu telah terlibat dalam “pendengaran bersama” belia, dewasa muda, pelayanan pastoral, keluarga dan uskup.

“Apa yang kami dengar adalah keinginan kuat untuk membangunkan rangka kerja terkini yang boleh digunakan bukan sahaja oleh paderi tetapi juga oleh keluarga dan kaum muda sendiri bagi membantu mereka untuk menginjil serta membimbing rakan sebaya mereka kepada Kristus,” kata Uskup Baron.

Prelatus itu juga turut mendengar keperluan untuk menangani isu-isu termasuk seksualiti, kesihatan mental, kurang kerjasama, keadilan perkauman, polarisasi dan keinginan ramai orang muda untuk mengubah masyarakat. — media Vatikan

Sidang Kemuncak Keamanan untuk Ukraine

NIDWALDEN, Switzerland: Satu-satunya cara untuk mencapai keamanan yang benar, stabil dan adil adalah dengan melibatkan semua pihak yang berkonflik dalam dialog, kata Kardinal Pietro Parolin, setiausaha negara Vatikan, pada sidang kemuncak keamanan di Switzerland.

“Vatikan menyatakan harapannya bahawa usaha diplomatik yang sedang dipromosikan oleh Ukraine dan disokong oleh begitu banyak negara akan dipertingkatkan, untuk mencapai keputusan yang sepatutnya dan yang diharapkan oleh seluruh dunia,” katanya dalam ucapan pada Jun 16.

Atas permintaan Ukraine, Switzerland menganjurkan Sidang Kemuncak Keamanan di Ukraine, yang diadakan di sebuah resort Tasik Lucerne, Canton, Nidwalden pada Jun 15-16.

Switzerland menjemput lebih 160 ketua negara dan pemimpin kerajaan lain untuk memulakan proses damai dengan membangunkan “pemahaman bersama tentang laluan ke arah keamanan yang adil dan berkeadilan di Ukraine.”

Kira-kira 100 delegasi, termasuk 57 ketua negara dan kerajaan, menghadiri persidangan itu.

gan itu.

Rusia, yang meningkatkan serangannya ke Ukraine dengan serangan berskala penuh pada 2022, tidak dijemput selepas ia menyatakan beberapa kali tidak berminat untuk mengambil bahagian, dan China yang berulang kali menggesa pemimpin antarabangsa untuk menggunakan pengaruh mereka bagi membawa Rusia ke meja rundingan, juga tidak hadir.

Kardinal Parolin, yang mengetuai delegasi Vatikan, berkata, “Adalah penting untuk menegaskan bahawa satu-satunya cara yang

mampu mencapai keamanan yang benar, stabil dan adil ialah dialog antara semua pihak yang terlibat.”

Vatikan “tetap bersedia untuk membantu dalam pelaksanaan inisiatif pengantaraan yang berpotensi, yang boleh diterima oleh semua pihak dan memberi manfaat kepada mereka yang telah terjejas,” katanya sambil menyeru semua negara dan anggota masyarakat antarabangsa “untuk meneroka cara menyediakan bantuan serta memudahkan penghantaran bantuan, sama ada bersifat kemanusiaan atau politik.” — media Vatikan



Kardinal Parolin mewakili Sri Paus Fransiskus ke Sidang Kemuncak Keamanan untuk Ukraine.

AUDIENSI UMUM HARI RABU BERSAMA SRI PAUS FRANSISKUS

Mazmur adalah doa Yesus, doa milik kita sepanjang masa

VATIKAN: “Mazmur perlu dijadikan sebagai doa kita, menjadikannya milik kita dan berdoa bersamanya,” kata Sri Paus Fransiskus semasa Audiensi Umum hari Rabu di Vatikan.

Semasa Bapa Suci meneruskan siri katekesisnya tentang Roh Kudus. Pada minggu tersebut prelatus itu memberi renungan tentang keistimewaan Mazmur.

Sri Paus juga mengingatkan para penziarah bahawa sebagai persediaan untuk Jubli 2025, beliau telah mengisytiharkan 2024 sebagai Tahun Doa.

Oleh itu, Bapa Suci menjelaskan, “Dalam katekesis hari ini, saya ingin mengingatkan bahawa Gereja sudah memiliki simfoni doa, yang penciptanya adalah Roh Kudus iaitu Kitab Mazmur.”

Katanya, Kitab Mazmur, seperti mana-mana simfoni, “mengandungi bermacam ‘gerakan’, iaitu pelbagai genre doa: pujian, kesyukuran, permohonan, ratapan, narasi, refleksi kebijaksanaan, dan lain-lain, sama ada dalam bentuk peribadi dan dalam bentuk paduan suara seluruh umat.”

Ini adalah lagu-lagu yang telah diletakkan oleh Roh Sendiri di bibir Pengantin Perempuan.

Semua Kitab dalam Alkitab, diilhamkan oleh Roh Kudus, tetapi Kitab Mazmur, “penuh dengan inspirasi puitis” dan mempunyai tempat yang istimewa dalam Perjanjian Baru.

“Apa yang sangat menarik dalam Mazmur ialah doa Yesus, Maria, para Rasul dan semua generasi Kristian yang telah mendahului kita.”

Apabila kita membacanya, Tuhan mendengar kita umpama “orquestra” yang



Bapa Suci Fransiskus bersama kanak-kanak yang hadir pada audiensinya, Jun 19 yang lalu.

hebat itu iaitu berdoa bersama komuniti orang-orang kudus.

Bapa Suci mengenang Yesus dalam Surat kepada orang Ibrani yang memetik ayat dari Kitab Mazmur, ‘Lihat, aku datang untuk melakukan kehendak-Mu, ya Tuhan’ (lih. Ibr 10:7; Mzm. 40:9), dan ketika Dia meninggalkan dunia, Injil Lukas mengatakan Yesus memetik petikan dari Mazmur, ‘Bapa, ke dalam tangan-Mu Kuserahkan nyawa-Ku’ (Luk 23:46, rujuk Mzm 31:6).

Tambah Sri Paus, penggunaan mazmur dalam Perjanjian Baru, pastinya diikuti oleh para Bapa dan seluruh Gereja dan mempunyai peranan penting dalam dunia kita hari ini.

“Kita tidak boleh hanya hidup berdasarkan warisan masa lalu,” tegas Bapa Suci seraya menambah, “adalah perlu untuk menjadikan Mazmur sebagai doa kita. Ia telah ditulis dalam erti kata tertentu, kita sendiri mesti menjadi ‘ahli Taurat’ Mazmur, menjadikan Mazmur milik dan doa kita!”

Oleh kerana Mazmur adalah doa sepanjang masa dan apabila ia menyentuh hati kita atau mengungkapkan apa yang ingin kita luahkan, adalah baik untuk menggunakannya sebagai doa harian kerana Mazmur adalah inspirasi serta nafas daripada Tuhan.” — *media Vatikan*

Yerusalem di depan pintu kita

Jenazahnya utuh, mengenakan *jeans*, kasut, *sport jacket* hitam bergaris putih. Dialah orang kudus pertama yang pernah memiliki akaun Facebook, Carlo Acutis. Dikasteri Penggelaran Kudus Vatikan pada Mei 23, 2024 mengumumkan bahawa terjadi mukjizat yakni kesembuhan seorang remaja dari Costa Rica.

Kesembuhan itu diyakini berkat doa dengan perantaraan Beato Carlo Acutis. Dengan peristiwa iman ini, Beato Carlo Acutis akan segera dikanonisasi menjadi seorang santo.

Carlo lahir pada Mei 3, 1991 di London. Ibu bapanya, Andreas dan Antonia (kedu-duanya orang Itali) tinggal di London kerana bekerja. Keluarga Acutis berakar kuat pada iman Katolik, namun juga tidak fanatik.

Carlo kecil dibaptis pada Mei 18 di sebuah Gereja yang didedikasikan untuk Bonda Maria dari Fatima. Sepanjang hidupnya yang singkat, Bonda Maria memiliki erti penting bagi kehidupan Carlo.

Beberapa bulan setelah kelahiran Carlo, orang tuanya kembali ke Itali dan menetap di Milan.

Carlo seperti kanak-kanak lelaki yang normal, suka bersenang-senang, bermain dan mempunyai ramai kawan.

Pada masa yang sama, Antonia menyedari sejak kecil Carlo mempunyai kegemaran istimewa. Semasa mereka berjalan-jalan mengelilingi kota dan



melintasi sebuah Gereja, dia meminta ibunya untuk masuk ke dalam: “Mama, mari kita masuk untuk menyambut Yesus.”

Ketika dia belajar membaca di sekolah, ibunya memperhatikan bahawa Carlo sering membaca Alkitab dan buku kisah hidup orang-orang kudus.

Dia juga mahu segera menyambut tubuh dan darah Yesus agar Yesus, sahabat sejati semakin dekat dengannya.

Carlo juga menegaskan. “Kita memiliki

Ekaristi lebih baik dibandingkan para rasul yang hidup bersama Kristus 2000 tahun yang lalu. Kita hanya perlu ke Gereja untuk bertemu dengan Yesus. Kita memiliki Yerusalem di depan pintu kita.” Sesungguhnya, Ekaristi telah menjadi jalan hidup Carlo.

Carlo menunjukkan semangat dan bakat unik dalam bidang komputer sejak kecil.

Dia juga senang bermain komputer bersama teman-temannya. Segala sesuatu yang berhubungan dengan komputer membuatnya terpesona. Ibu bapa dan gurunya kagum dengan bakat serta kemampuannya yang luar biasa.

Dengan kecanggihan Internet, Carlo membuat pameran mukjizat Ekaristi secara maya. Ia bukan sahaja terkenal di Keuskupan Milan malah mendapat permintaan dari keuskupan lain.

Pada Oktober 4, 2006, video yang dibuat Carlo ditayangkan di sekolah, untuk memperkenalkan Ekaristi dan mengajak teman-temannya menjadi sukarelawan. Tiba-tiba Carlo jatuh sakit dan dia dibawa hospital.

Pemeriksaan menunjukkan diagnosis yang mengerikan: Carlo menderita leukemia, suatu bentuk yang sangat agresif. Carlo mengaku kepada ibu bapanya, ‘Saya mempersembahkan penderitaan yang harus saya tanggung kepada Tuhan demi Sri Paus dan Gereja ...’ Carlo meninggal dunia pada Oktober 12, 2006, pada usia 15 tahun. — *hidupkatolik*

PENULIS JEMPUTAN BERKICAU

Esok di republik teknologi

Sarjana Amerika Daniel Boorstin pernah menulis sebuah esei bertajuk, “Esok di Republik Teknologi” (*Tomorrow in the Republic of Technology*).

Katanya, apabila dekad abad ke-21 berlalu, tidak sukar untuk melihat teknologi sebagai penggerak kepada semua yang: lebih pantas, lebih kuat, lebih tinggi ... lebih pantas! Bayangkan masa depan!

Kebanyakan kita hidup dalam teknofera. Teknologi telah menjadi ‘iman’ bagi orang-orang zaman sekarang — menara TV menggantikan loceng gereja, isyarat lalu lintas lebih dipatuhi dan dilihat berbanding rumah-rumah ibadat di tepi jalan, tidak lupa alat kecil di tangan kita yang menghubungkan kita ke seluruh dunia: telefon bimbit.

TV satelit di rumah, AI di pejabat, kad pintar di mana-mana ... ini adalah antara aplikasi sistem yang paling jelas dan paling banyak digunakan dalam sektor pembuatan, pemasaran, pengangkutan, perubatan dan tidak menunjukkan tanda-tanda akan menjadi perlahan.

Sesiapa yang pernah menonton filem “*Star Wars*” pasti dapat melihat ‘ramalan’ masa depan di mana manusia, mesin dan haiwan hidup harmoni malah cyborg, android dan robot dijinakkan seperti kucing dan kenari serta ‘menghidupkan’ kembali hamba, dayang-dayang dan hulubalang istana zaman dahulu untuk membuat kerja-kerja di rumah atau pejabat!

Ini semua membawa banyak manfaat kebaikan dalam hidup dan tiada siapa yang akan menghalang anda daripada mendapatkan apa yang anda mahukan

Apabila kita membayangkan masa depan, kita juga seharusnya bertanya, apakah jenis masa depan yang saya anggap wajar?

Teknologi sentiasa menjanjikan dua perkara: kebebasan dan kelimpahan. Ini bermakna: akan ada lebih banyak kebaikan dalam hidup dan tiada siapa yang akan menghalang anda daripada mendapatkan apa yang anda inginkan.

Bagi mereka yang dibesarkan dalam ekonomi yang serba kekurangan dan kekangan, ini adalah “berita baik”!

Kita semua memang dahagakan kebebasan dan kelimpahan, tetapi selalunya kelimpahan ini dirampas oleh kerakusan segelintir orang dan kebebasan kita disekat oleh ketakutan mereka yang berkuasa, dan kita tetap terlalu takut untuk membantah.

Jadi, meskipun kecanggihan teknologi yang kita pasti dapat membentuk masa depan kita adalah lemah sebagai perhubungan antara individu dan masyarakat.

Hubungan kesaksamaan dan keadilan, keamanan dan penerimaan bersama — tidak boleh diabaikan. Begitu juga kaum miskin, orang lemah, orang terlantar, balu, janda dan anak yatim — mereka memerlukan penjagaan manusiawi secara khusus. — *Fr Myron J. Pereira SJ, ucanews.com*

KENYATAAN MISI HERALD

HERALD adalah Minggu Katolik Gereja Malaysia. Ia berusaha untuk menyampaikan berita-berita terkini, nilai-nilai Kristian dan berusaha untuk berdialog dengan semua sektor masyarakat untuk membina komuniti beriman kepada Tuhan yang harmoni. Kami menyokong pembentukan Gereja dan menggalakkan umat awam dan religius untuk membuat keputusan moral di arena luar Gereja.

Kardinal mahu keharmonian Malaysia Timur ditular ke Semenanjung

SIBU: Mesyuarat tahunan Komisi Episkopal Komunikasi Sosial (KOMSOS) pada Jun 10-14 lalu menyelitikan program lawatan pastoral ke Rumah Panjang Etnik Iban di Jalan Nibong Tada.

Bersama dengan Kardinal Sebastian Francis, beberapa orang paderi, seorang religius dan ahli-ahli KOMSOS, rombongan disambut gembira oleh penduduk rumah panjang.

Penganut Katolik dari Sarawak dan Sabah yang menetap di Semenanjung Malaysia membawa 'kehidupan baharu' kepada Gereja di Semenanjung Malaysia, kata

kardinal dari Pulau Pinang itu.

Kardinal kedua Malaysia, Sebastian Francis mengungkapkan terima kasih "kerana menghantar ramai anak-anak muda ke kolej dan universiti, bekerja dalam angkatan tentera, tentera laut, polis dan banyak lagi."

"Anda telah membanjiri Semenanjung Malaysia dengan semangat keharmonian Sabah dan Sarawak dan kami amat berterima kasih kerana anda adalah sebahagian daripada kami."

"Kini, kita mempunyai puluhan ribu rakyat Sarawak dan Sabah di Semenanjung Malaysia dan mereka telah membawa

'kehidupan baharu' kepada Gereja di Semenanjung Malaysia dan tanpa mereka, Gereja tidak akan sama," ujarnya.

Sebastian juga berkata Sarawak khususnya sedang berada di hadapan dalam menunjukkan kepada rakyat Malaysia hidup dalam harmoni dan mengajar erti kesaksamaan.

Hadir sama semasa lawatan itu ialah Fr George Plathottam, Setiausaha Eksekutif Tuhan para Uskup Asia merangkap ketua Jabatan Komunikasi Sosial dan Fr Edward Raymond, seorang paderi *Neocatechumenate Way*, dari Sabah yang sedang melayani di Keuskupan Sibu.



Komisi episkopal KOMSOS bertemu di Sibu

SIBU: Tiga perkara yang menyerlah semasa pertemuan Komisi Episkopal untuk Komunikasi Sosial (KOMSOS) peringkat serantau untuk Malaysia, Singapura dan Brunei pada Jun 10-14 lalu. Bertempat di Wisma *Laodato Si*, Katedral Sacred Heart, pertemuan tahunan ini menyaksikan penyertaan kaum muda yang ramai, kesedaran tinggi tentang AI dan lawatan Kardinal Sebastian ke rumah panjang etnik Iban.

KOMSOS Malaysia diwakili 33 peserta, manakala dari Vikariat Brunei menghantar dua orang belia. Singapura tidak dapat menghantar wakil kerana kesibukan persiapan menerima kunjungan Sri Paus Fransiskus ke republik itu pada bulan September ini.

Mesyuarat dimulakan dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Kardinal Sebastian Francis selaku Presiden Komisi Episkopal KOMSOS.

Prelatus itu mengenang Sto Barnabas, antara rasul dan misionari awal Kristus.



Kardinal Sebastian yang gembira melihat penyertaan ramai kaum muda dalam Komisi Episkopal KOMSOS menyeru agar para belia ini berani meninggalkan zon selesa dan menjadi nabi zaman sekarang.

Selain mesyuarat, para perwakilan juga menyertai formasi mengenai kecerdasan

buatan oleh Sdra Arokiam Raj, struktur organisasi dikasteri komunikasi sosial dan peranannya oleh Fr George Plathottam, Setiausaha Eksekutif Federasi para Uskup Asia (FABC) merangkap ketua Jabatan Komunikasi Sosial untuk FABC dan sesi kreatif bersama Sdri Anna Faustina.

Perjalanan Salib Malaysia yang bermula pada April tahun depan juga merupakan antara agenda dalam mesyuarat ini.

Setiap KOMSOS di Keuskupan/Agung menyenaraikan cadangan bagaimana mempromosi dan membantu Perjalanan Salib Malaysia ini difahami oleh umat.

Antara cadangan yang dikemukakan ialah KOMSOS akan membantu dalam mempersiapkan terjemahan dalam bahasa etnik, membuat video atau *teaser* serta memperlihatkan apa yang dilakukan oleh setiap Keuskupan/Agung ketika Salib Malaysia itu berada di tempat masing-masing.

Pada hari terakhir mesyuarat, Daniel Roy, Pengerusi Komisi Episkopal KOMSOS Malaysia, Singapura dan Brunei mengumumkan tuan rumah bagi pertemuan tahunan Komisi Episkopal KOMSOS Malaysia, Singapura dan Brunei akan diadakan di Vikariat Brunei pada bulan Jun, 2025.

MPP anjur bengkel kesetiausahaan dalam urusan Gereja

TELUPID: Majlis Pastoral Paroki Telupid telah menganjurkan Bengkel Kesetiausahaan pada Jun 1 lalu yang dihadiri seramai 39 peserta.

Para peserta ini terdiri daripada Pengerusi, Setiausaha, dan Timbalan Setiausaha Komite, Komuniti Umat Katolik (KUK) serta beberapa umat yang berminat untuk mempelajari ilmu kesetiausahaan dalam urusan Gereja.

Bengkel ini dikendalikan oleh Sdra Cilly Gulimit yang merupakan Setiausaha Majlis Pastoral Paroki.

Tujuan utama bengkel ini adalah untuk memantapkan pengurusan organisasi terutamanya dari aspek surat-menyurat dan pengurusan mesyuarat.

Selain itu, bengkel ini juga

bertujuan untuk menyeragamkan format surat-menyurat dan penyediaan minit mesyuarat bagi pengurusan di seluruh paroki, serta memberikan bimbingan tentang cara menyediakan kertas kerja mengikut format yang telah diselaraskan.

Cilly juga menekankan kepentingan keseragaman dalam dokumen-dokumen rasmi Gereja untuk memastikan kelancaran urusan dan komunikasi yang efektif.

Jelas, bengkel ini memberikan impak positif kepada semua yang terlibat dan diharapkan dapat membawa kepada peningkatan dalam pengurusan organisasi Gereja terutama sekali Komite dan Komuniti Umat Katolik di paroki St Martin, Telupid.



70 hadir latihan untuk calon fasilitator program pastoral MPC 2026



KUALA PENYU: Bertempat di Rumah Retret Keuskupan Keningau, Purun, Kuala Penyu, seramai 70 peserta menyertai "Training Of Trainers" (TOT) bagi calon fasilitator sempena program Pastoral Menuju MPC 2026.

Empat paroki pedalaman iaitu St Patrick Membakut; St Valentine, Beaufort; St Peter Bundu dan St Yohanes Pembaptis, Sipitang, bergabung untuk latihan bagi mewujudkan team fasilitator.

Team fasilitator ini akan membantu Team Pemantau Perancangan Pastoral Keuskupan Keningau

(TPPPK) melaksanakan program pastoral yang akan dimulakan pada tahun ini dan tahun akan datang.

Latihan ini dikendalikan oleh tiga fasilitator utama dari TPPPK iaitu Fr Roney Mailap, Roney Eming dan Patrick Marius.

Roney menyampaikan pengenalan tentang dokumen Sri Paus Fransiskus *Amoris Laetitia*, Fr Roney pula menjelaskan 10 pesan penting dokumen *Amoris Laetitia* manakala Patrick Marius menerangkan tentang Rekomendasi Perancangan Pastoral Keuskupan Keningau 2024-2026.

Evolusi, teguran membina dan beberapa panduan yang diberikan daripada ketiga-tiga penceramah dari team TPPPK membantu para peserta menambahbaik dan meningkatkan keyakinan untuk melaksanakan program-program pastoral di paroki masing-masing.

Semasa sesi rumusan, Fr Roney berharap agar apa yang telah disampaikan pada hari tersebut dapat dibawa kepada umat paroki masing-masing. Program diakhiri dengan sumbangan kasih kepada para penceramah dan sesi bergambar. — *Stella Eming*